

# Mahkamah tiada bidang kuasa dengar kes adat – Hakim

SEREMBAN 28 Jun – Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak permohonan dua lelaki adik-beradik untuk mengarahkan Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong serta lima anggotanya supaya melantik salah seorang daripada mereka sebagai Datuk Kelana Sungai Ujong Ke-10.

Hakim Mahkamah Tinggi, Encik Mustapha Hussain dalam keputusarinya ketika menolak dengan kos permohonan Syed Abu Bakar Syed Hassan dan adiknya Syed Aman berkata, di bawah Fasal 14 dan 16 Perlembagaan Negeri Sembilan, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes yang berkaitan dengan adat.

Syed Abu Bakar dan Syed Aman sebelum ini mengemukakan permohonan kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah mandamus bagi menaksa pihak Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong membuat perlantikan itu.

Dua mereka yang diwakili oleh peguam Encik Ranjit Singh menamakan Lembaga Tiang Balai Sungai

Ujong serta lima orang anggotanya, Datuk Andika Mandalika Fadzil Nordin, Datuk Sero Maharaja Raja Azman Jamlus, Datuk Akhir Zaman Bahari Hamza, Datuk Dagang Paroi, Mohamad Noor Abdullah dan Datuk Muda Labu, Zainuddin Abdullah sebagai responden.

Dalam afidavit menyokong permohonan itu, Syed Abu Bakar dan Syed Aman antara lain berkata, mereka telah memohon kepada mahkamah dan telah mendapat kebenaran untuk mengeluarkan saman mandamus terhadap responden pada 5 Februari lalu.

Mereka mendakwa bahawa Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah membuat satu keputusan bahawa Pusaka Waris Datuk Kelana Sungai Ujong Ke-10 seharusnya dilantik daripada keluarga Anak Waris Perut Hulu daripada Šako Tinggang.